

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[ PANDAN ]**

**SOALAN**

**DATO' SERI WAN AZIZAH WAN ISMAIL [ PANDAN ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan polisi, strategi dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengembalikan kadar pengangguran yang berada di tahap 4.8 peratus pada bulan Julai 2021 kembali ke tahap 3.2 hingga 3.3 peratus sebagaimana sebelum wabak COVID-19 melanda negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan data terkini kaji selidik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran rakyat Malaysia pada suku ketiga 2021 menurun **0.1 mata peratus daripada 4.8 peratus kepada 4.7 peratus.**

Sebagai Kerajaan yang prihatin, beberapa inisiatif di bawah **Pakej Rangsangan Ekonomi seperti PRIHATIN dan PENJANA** telah dilaksanakan untuk membantu majikan-majikan mengekalkan pekerja dan mengawal pengurangan bilangan pekerja yang diberhentikan oleh syarikat.

Di bawah pakej tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **23 bilion ringgit** secara keseluruhannya untuk **Program Subsidi Upah (PSU)** bagi membantu majikan mengekalkan pekerja mereka.

Bantuan kewangan di bawah PSU ini telah berjaya mengurangkan jumlah kes kehilangan pekerjaan **pada tahun 2020 iaitu seramai 107,024 orang. Setakat 31 Oktober 2021, statistik mencatatkan 54,761 orang** kehilangan pekerjaan.

Selain itu, di bawah pakej **Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** pula, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk tempoh mulai 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021. Antaranya adalah **Program Subsidi Upah 4.0** dengan peruntukan sebanyak **3.8 bilion ringgit** bagi membantu majikan mengurangkan kos operasi perniagaan dan program ini telah memanfaatkan lebih 2.5 juta pekerja.

Di samping itu, program-program di bawah **Penjana Kerjaya 3.0** turut diperkenalkan bertujuan untuk menyediakan peluang seperti:

- i. inisiatif yang membantu **golongan mudah terjejas** dengan memberi dorongan kepada majikan untuk membuat pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke atas, OKU dan bekas banduan dengan tempoh kontrak penggajian dikurangkan daripada satu (1) tahun kepada enam (6) bulan;
- ii. **Malaysianization** yang menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan;
- iii. **Program KerjayaGig** merupakan peluasan insentif pengambilan pekerja meliputi pekerjaan gig atau sementara untuk golongan penganggur tegar **lebih daripada 180 hari**; dan
- iv. **Insentif Penempatan Pekerjaan oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS)** diberikan secara *one-off* bagi penempatan pekerja berkemahiran rendah.

Program kolaborasi rentas Kementerian dan dengan pihak swasta turut dilaksanakan bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia secara menyeluruh. Antaranya kolaborasi dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Belia dan Sukan untuk melaksanakan **program-program penempatan pekerjaan** dengan menganjurkan aktiviti temuduga termasuk kepada golongan siswazah.

Kolaborasi bersama Microsoft Malaysia turut diadakan dalam **Program Kemahiran Digital Bagi Kerjaya Hari Esok** bertujuan mendedahkan peserta kepada kursus kemahiran digital, kemahiran insaniah dan peluang penempatan pekerjaan yang berpotensi

Pencari kerja yang belum mencarum dengan PERKESO perlu mendaftar di Portal Pekerjaan Negara, **MyFutureJobs** dan perlu menghadiri temuduga terbuka sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh dua (2) bulan. Insentif Elaun Mencari Pekerjaan akan diberikan sebanyak RM300 sebulan. Sekiranya pencari kerja kembali bekerja atau mendapat pekerjaan melalui MyFutureJobs, jumlah insentif sebanyak RM400 akan turut diberikan.

Kerajaan turut memperluaskan Insentif Elaun Mencari Pekerjaan **meliputi golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO** termasuklah graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal yang dikenali sebagai **SIP Prihatin 2.0**.

Kerajaan juga telah melancarkan inisiatif **PENJANA HRDCorp**. Lima (5) skim telah diperkenalkan yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0** dan **Gerak Insan Gemilang (GIG)**.

Skim-skim ini diwujudkan untuk membantu rakyat mendapat penempatan pekerjaan, *self-employed* serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka. Sehingga kini, PSMB telah meluluskan sebanyak **85,527 pelatih** bagi mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri ini.

Selain itu, PSMB juga menubuhkan **HRDCorp Placement Centre** (HPC) yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Sehingga kini, sebanyak **35,820 peluang pekerjaan tersedia** melalui **HRDCorp Placement Centre** dan lebih **4,000 pekerja berjaya** ditempatkan melalui inisiatif ini.

Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dinamik dan komprehensif disokong oleh pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat berjaya merangsang aktiviti ekonomi sekaligus mendorong pengambilan lebih ramai

## **SOALAN NO : 442**

pekerja dalam pasaran buruh. Pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan terus berkembang apabila semua sektor ekonomi dibuka sepenuhnya. Berdasarkan situasi ini, adalah dijangka kadar pengangguran di kalangan rakyat Malaysia pada tahun 2022 akan terus berada pada kadar yang stabil dan tidak mustahil untuk kembali berada pada kadar yang diharapkan.

Kerajaan dari semasa ke semasa juga akan menambah baik langkah-langkah sedia ada dan akan mewujudkan lebih banyak program atau mekanisme bagi membantu rakyat mendapatkan pekerjaan dan mengatasi kadar pengangguran negara.